

KPDNHEP Kedah rampas tudung berjenama tiruan bernilai lebih RM24,000

Tarikh kemaskini: 10/09/2019



ALOR SETAR, 10 Sept -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah merampas sebanyak 1,631 helai tudung berjenama 'Bawal Exclusive' bernilai RM24,465 disyaki tiruan dalam serbuan di sebuah premis borong di Jalan Langgar, di sini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri Omar Ismail berkata, operasi pada pukul 12 tengah hari dijalankan selepas mendapat aduan daripada pemilik cap dagang sebelum ini yang mengesan kegiatan 'menciplak' tudung keluarannya itu.

"Pemeriksaan bersama wakil pemilik dagang di premis itu mendapati kesemua tudung berjenama terkenal itu telah menggunakan perihal dagangan palsu dan ia sudah diedarkan ke seluruh negara.

"Selain itu, harga sehelai tudung yang dijual di premis itu lebih murah, iaitu antara RM10 hingga RM15 sehelai berbanding tudung asli yang dijual bermula RM57," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Omar berkata sepasukan lima anggota itu kemudian menahan seorang pekerja wanita berusia 28 tahun untuk diambil keterangan sebelum dibebaskan bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan.

Beliau menasihatkan orang ramai agar tidak membeli atau menggunakan barang tiruan yang diketahui

- mempunyai kualiti yang rendah.

"Kita juga mengalu-alukan maklumat dan kerjasama orang ramai bagi membanteras kegiatan penjualan barang yang disyaki palsu atau menggunakan perihal dagangan palsu dan sentiasa memantau bagi memastikan hak pengguna sentiasa dilindungi," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 kerana mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya untuk membekalkan apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan, katanya.

"Bagi kesalahan pertama melibatkan pertubuhan perbadanan, denda yang dikenakan tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu.

"Bagi individu atau bukan pertubuhan perbadanan pula, mereka boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap barang atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama serta denda RM20,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan seterusnya," katanya.

-- BERNAMA

